

1 • Profil Universiti



PROFIL UNIVERSITI
Misi, Visi, Nilai Teras, Matlamat & Falsafah



MELAHIRKAN INSAN KAMIL
YANG MENYUMBANG KEPADA
AGENDA PEMBANGUNAN DAN
DAYA SAING INDUSTRI NEGARA

UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS

INSTITUSI AKADEMIK DAN
PENYELIDIKAN YANG
BERDAYA SAING DI PERSADA
ANTARABANGSA

NILAI TERAS
ILMU • KEIKHLASAN • KECEMERLANGAN

MATLAMAT & FALSAFAH

Program kejuruteraan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mempunyai matlamat untuk menghasilkan graduan kejuruteraan yang berkelayakan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Kursus kejuruteraan yang dijalankan di universiti pada dasarnya menitikberatkan kepada lab-intensive dengan memberi lebih penekanan kepada amali. Kursus-kursus yang ditawarkan menyatukan teori dengan amali mengikut keperluan industri. Semasa mengikuti kursus, pelajar juga akan dibekalkan dengan kemahiran pengurusan, perakaunan, keusahawanan, kemahiran berkomunikasi, kurikulum dan pembangunan sahsiah. Ini bertujuan untuk melahirkan jurutera dan pembantu jurutera yang bukan sahaja cekap dalam bidang bertenologi tinggi yang mereka ikuti, tetapi juga berkebolehan untuk berdikari dan mempunyai sifat mulia dan terpuji.



PROFIL UNIVERSITI UniMAP Sepintas Lalu

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah diluluskan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada 25 Julai 2001. Pada 1 April 2002, Institusi Pengajian Tinggi Awam ke-i7 ini mula beroperasi di bangunan Yayasan Pok & Kassim, Kubang Gajah, Arau, Perlis dan Naib Canselornya yang pertama telah dilantik pada 16 Februari 2002. Setelah lima tahun bertapak di bumi Perlis, Universiti ini telah dijenamakan semula daripada KUKUM kepada UniMAP pada 1 Februari 2007. Sebagai sebuah universiti yang bertapak di alaf baru dan beroperasi di beberapa lokasi sementara, UniMAP berbangga dengan kewujudan kampus induknya yang tersugam indah di Pauh Putra serta di Sungai Chuchuh.

Lebih membanggakan lagi apabila kampus induknya di Pauh Putra telah disempurnakan perasmianya oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 3 Mac 2013 yang lalu. YAB Perdana Menteri dalam ucapannya menyatakan bahawa kewujudan UniMAP, sebuah universiti berteraskan kejuruteraan di negeri Perlis telah berjaya melonjakkan pembangunan dalam pelbagai aspek di negeri ini dan boleh diibaratkan sebagai nadi pembangunan Negara.

UniMAP memulakan pengambilan sulung pelajarnya pada 20 Jun 2002 dengan jumlah pelajar 119 orang dan kini UniMAP telah mempunyai seramai 13,081 orang pelajar iaitu 10,383 orang bagi program Ijazah Sarjana Muda dan 1,183 orang bagi program Diploma, manakala seramai 1,515 orang adalah penuntut ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran. Untuk melaksanakan tanggungjawabnya, UniMAP memiliki 926 orang staf akademik dan 160 orang staf bukan akademik pengurusan dan profesional, dan 504 orang staf pelaksana.

Pada masa ini, UniMAP menawarkan enam (6) Program Diploma Kejuruteraan, 21 program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, 13 program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan, dua (2) program Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dan satu (1) program Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu. Di samping itu, UniMAP turut menawarkan pelbagai program pascaijazah dengan 39 bidang penyelidikan peringkat Sarjana Sains Penyelidikan, enam (6) program pengajian Sarjana Sains termasuk Mod Campuran, satu (1) program pengajian Sarjana Pentadbiran Pengajaran Mod Kerja Kursus, 39 bidang penyelidikan peringkat Doktor Falsafah (PhD) Mod Penyelidikan dan Doktor falsafah (PhD) Mod Penerbitan.

Pada tahun 2017, UniMAP telah bangunkan Peta Strategi UniMAP 2025. Ia adalah berteraskan pendekatan "4.0: Perkongsian Memacu Pembangunan", ia didasari konsep kebersamaan dan perkongsian dengan rakan industri, institusi pengajaran tinggi dan pemegang taruh lainnya. Empat aspek diketengahkan, iaitu pengajaran-pembelajaran, kualiti graduan, penyelidikan, dan penjanaan kewangan.

Bagi pengajaran-pembelajaran, kita mahukan ia berinovatif. Untuk itu, tiga komponen diberi perhatian, iaitu sistem pendidikan bersepadan, makmal industri dan platform "telepresence". Teknologi memainkan peranan utama bagi persekitaran 'smart campus', di mana MOOC/blended learning sedang giat dibangunkan.

Seterusnya, siswazah siaga-industri. UniMAP akan memastikan siswazah mampu menyumbang sebaik saja bergraduat. Untuk itu, empat komponen diberi tumpuan, iaitu pemerolehan pekerjaan,

peratus graduan dengan PNGK melebihi 3.00, peratus program TVET yang ditawarkan dan peratus siswazah yang memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan bergraduat.

Hasrat penjanaan kewangan juga mensasarkan peningkatan geran penyelidikan yang diperolehi. Jaringan erat dengan industri serta pemegang taruh lain akan membuka peluang pembiayaan penyelidikan yang luas. Endowmen dan waqaf memainkan peranan yang penting. Selain itu, pengukuhan tabung keusahawanan dapat membantu pewujudan syarikat "start-up" serta sebagai dana latihan dan tunjuk ajar kepada pelajar yang ingin memulakan perusahaan sendiri.

Jurang antara kompetensi graduan dengan kompetensi yang diharapkan industri boleh dikurangkan dengan adanya keberkesaan operasi akademik, khususnya yang berkaitan dengan pembangunan soft skills, tempoh praktikal serta pemilihan tajuk projek tahun akhir.

Dengan perkembangan yang amat menakjubkan ini, UniMAP akan memastikan kita bersiap-siaga menghadapi 4IR selari dengan kehendak semasa. Kemajuan teknologi dunia masa sekali gus meletakkan UniMAP di tengah-tengah arus 4IR dalam konteks melahirkan tenaga kerja mahir bagi memenuhi kehendak negara dan dunia.

UniMAP telah menerima penarafan QS Stars Ranking berdasarkan kepada penilaian yang dibuat oleh badan penarafan terkenal dunia QS *Intelligence Unit*. Pencapaian keseluruhan tiga (3) bintang merupakan sesuatu yang membanggakan apatah lagi dengan usia UniMAP yang lebih sedekad penubuhannya. Penilaian tersebut dibuat berdasarkan lapan (8) elemen iaitu pengajaran dan pembelajaran, kemudahan, pengantarabangsaan, kebolehpasaran graduan, budaya dan penglibatan masyarakat, penyelidikan serta kejuruteraan dan teknologi.

Berdasarkan pecahan elemen tersebut, QS *Intelligence Unit* mengiktiraf UniMAP sebagai lima (5) bintang dalam dua (2) elemen iaitu pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan prasarana manakala turut diberikan penarafan empat (4) bintang dari elemen jaringan kerjasama. Penarafan lima (5) bintang dalam elemen pengajaran dan pembelajaran yang diberikan OS Star ini adalah bertepatan dengan penarafan Sistem Penarafan Institusi Pengajaran Tinggi Malaysia (SETARA) yang turut mengiktiraf UniMAP sebagai lima (5) bintang sebelum ini. Bagi elemen jaringan kerjasama pula, penarafan empat (4) bintang membuktikan yang UniMAP kini berada dalam radar yang tepat dalam usaha menwujudkan jaringan yang kukuh dengan universiti-universiti bertaraf dunia lainnya. Penarafan QS Stars merupakan titik mula untuk UniMAP terus berusaha mencapai penarafan lima (5) bintang dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

Pencapaian UniMAP ini adalah seiring dengan usaha, komitmen, pengalaman dan kenangan suka duka setiap lapisan warganya dalam mengharungi cabaran meletakkan UniMAP di kedudukannya kini. InsyaAllah, dengan izin Yang Maha Esa, komitmen dan pencapaian akan terus ditingkatkan, tindakan akan terus dijadikan amalan agar impak akhirnya membawa kecemerlangan ke arah memartabatkan keterlihatan UniMAP di persada dunia.





Canselor

DULI YANG TERAMAT MULIA

TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL

D.K., S.P.M.P., P.A.T.

Doctor of Education (Honoris Causa) La Trobe University Melbourne, Australia
Honorary Doctorate in Management Science, Yala Rajabhat University, Thailand

RAJA MUDA PERLIS

DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah diputerakan pada tanggal 30 Disember 1967, hasil ikatan kasih sayang antara DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis dan DYMM Tuanku Tengku Fauziah binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid, Raja Perempuan Perlis. Baginda merupakan putera sulung bagi pasangan DiRaja itu. Baginda memulakan alam persekolahan peringkat rendah pada tahun 1974 di Sekolah Rendah Kebangsaan Putra, Kangar, Perlis dan peringkat menengah pada tahun 1980 di Sekolah Menengah Derma, Kangar, Perlis dan seterusnya menyambung pengajian di Sekolah Menengah Penang Free School, Pulau Pinang pada tahun 1983. Baginda kemudiannya berangkat ke Melbourne, Australia pada tahun 1984 untuk melanjutkan pelajaran di Carey Grammar School, Kew dengan memasuki tingkatan lima dan kemudian mengikuti pengajian matrikulasi sehingga tahun 1985.

Baginda kemudiannya melanjutkan pengajian di La Trobe University, Bundoora, Melbourne. Baginda memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (B.Ec.) pada tahun 1989. Dalam tahun 2002, Baginda diiktiraf dengan La Trobe Medal, iaitu gelaran penghormatan tertinggi bagi universiti tersebut. Baginda adalah penerima kedua anugerah tersebut, selepas Presiden negara Greece. Bermula tahun 1990 hingga 1998, Baginda menjawat pelbagai jawatan bersama Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) di mana jawatan terakhir sebagai Pengurus kawasan bagi Switzerland, Austria dan Eropah Tengah.

Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah mendirikan rumah tangga dengan DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil pada 9 Mei 1994 dan dikurniakan dua orang puteri dan seorang putera, Yang Amat Mulia Sharifah Khatreena Nuraniah, Yang Amat Mulia Sharifah Farah Adriana dan Yang Amat Mulia Syed Sirajuddin Areeb Putra. Baginda telah dianugerahkan darjah kebesaran Seri Paduka Mahkota Perlis (S.P.M.P.) sempena Ulangtahun

Hari Keputeraan Tuanku Raja Perlis pada tahun 1998. Pada tahun 2000 pula, Baginda dianugerahkan gelaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis dan Baginda memainkan peranan dan fungsi rasmi sebagai Raja Muda selepas perisytiharan rasmi dilangsungkan pada 12 Oktober 2000. Baginda telah dilantik sebagai Pemangku Raja Perlis pada 12 Disember 2001 untuk tempoh lima tahun apabila DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dilantik sebagai Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ke - 12. Pada tarikh tersebut juga baginda dikurniakan Bintang kebesaran Darjah Kerabat Perlis (D.K.). Dengan perlantikkan tersebut, Pada 1 September 2003, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah dilantik sebagai Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang pertama.

Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail merupakan seorang peminat bola sepak. Semasa zaman persekolahan, Baginda turut mewakili pasukan negeri dalam kejohanan bola sepak Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia. Baginda juga merupakan peminat setia pasukan Manchester United. Pada masa kini, Baginda juga merupakan peneraju Rejimen 504 Askar Wataniah sebagai Komander berpangkat Brigadier Jeneral. Baginda juga merupakan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Presiden Kelab Golf Putra Perlis. Baginda juga adalah penaung bagi Persatuan Alumni La Trobe University Malaysia (PALTUM), Persatuan Bulan Sabit Merah Cawangan Perlis, Malaysia Chefs Association, Projek Bola Sepak Ken Barnes Soccer Skills SeMalaysia, Persatuan Boling Padang Perlis, serta Pertubuhan Jemaah Dato'-Dato' Perlis. Selain itu, Baginda juga telah dilantik sebagai Pengurus Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP), sebuah institusi kebajikan yang banyak mengambil berat terhadap kemajuan pendidikan dan peningkatan taraf hidup rakyat. Sebagai seorang anak Raja yang berjiwa rakyat Baginda amat dikesihi oleh setiap lapisan masyarakat di Negeri Perlis ini.



Pro Canselor

**DULI YANG TERAMAT MULIA
TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL**

S.P.M.P.

Honoris Causa in Health Sciences (Universidad Nacional Pedro Henriquez Urena, DR)

RAJA PUAN MUDA PERLIS

DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil telah dilantik sebagai Pro Canselor UniMAP pada 13 Mac 2009. Penyerahan watikah pelantikan Pro Canselor ini telah disempurnakan oleh DYTM Tuanku Canselor di Istana Arau pada 28 Jun 2009.

Baginda diputerikan di Hospital Besar Kuala Lumpur pada 28 Mac 1970 dan merupakan puteri kedua daripada empat orang anak perempuan Dato' Haji Khalil Akashah dan Datin Hajah Nik Rahimah Wan Ahmad. Baginda merupakan bekas pelajar Sekolah Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur mulai tahun 1977 hingga 1984. Baginda seterusnya meneruskan pelajaran di Melbourne, Australia, selama lapan tahun. Ketika di Australia, Baginda mulanya menuntut di Merton Hall - Melbourne Girls Grammar School, dan kemudiannya di La Trobe University yang menganugerahi Baginda Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Kemanusiaan pada tahun 1992.

Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil mempunyai pelbagai minat dan bakat. Selain membaca, melukis dan berseni. Baginda meminati sukan luncur ais, jet ski dan berenang. Baginda pernah juga mengikuti kursus asas Bahasa Mandarin, Perancis, Sepanyol dan Jerman. Sehingga tahun 1995, Baginda memegang jawatan sebagai Pengurus Pentadbiran ASIE Sdn. Bhd. Tetapi mengambil keputusan meletakkan jawatan apabila mula mengiringi Tuanku

Syed Faizuddin Putra Jamalullail berangkat menjalankan tugas Baginda di luar negara. Hampir tiga (3) tahun di Madrid, Sepanyol dan empat (4) tahun di Zurich, Switzerland.

Pada 1 Ogos 2002, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil dikurniai gelaran rasmi Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis apabila Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail diistiharkan sebagai Raja Muda Perlis. Baginda dikurniaikan anugerah Seri Paduka Mahkota Perlis (SPMP) yang membawa gelaran 'Dato Seri' pada 17 Mei 2002.


Baginda merupakan Penaung bagi Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia, Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia Cawangan Perlis, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Wanita (DEWANITA) Cawangan Perlis, Smart Reader Worldwide di samping menjadi Pengurus Persatuan Alumni La Trobe University Malaysia (PALTUM) serta dilantik sebagai Pengurus Yayasan Tuanku Fauziah (YTF) dan terkini baginda ditauliah sebagai Mejar Kehormat dalam Rejimen Askar Wataniah.

Sebagai Pro Canselor, Baginda amat prihatin dalam apa jua yang melibatkan Universiti ini baik dari segi akademik, penyelidikan mahu pun aktiviti pelajar. Baginda sering berangkat mengiringi DYTM Tuanku Canselor ke pelbagai program dan aktiviti rasmi UniMAP.

PROFIL UNIVERSITI

Lembaga Pengarah Universiti





Pengerusi

1. YBhg. Dato' Dr. Mohd Sofi Osman
Lembaga Pengarah Mimos Semiconductor (M)
Sdn. Bhd.
(Berkuatkuasa 1/7/2017)

Ahli

2. YBhg. Dato' Profesor Dr. Zul Azhar Zahid Jamal
Naib Canselor UniMAP
3. Puan Fikriah Hj. Abd Rahman
Timbalan Pengarah Belanjawan Negara
(Ekonomi)
4. Tuan Abdul Rasid Sudin
Pengerusi Lembaga Penasihat
Jabatan Perdana Menteri
5. YB Jafperi Othman
Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis
6. YBhg. Dato' Annuar Mohd Saffar
Presiden Kulim Technology Park Corporation
7. Encik Mohd Parid Sulaiman
Pengarah Kejuruteraan Strategic Program
Malaysia Design Center Intel
Intel Products (M) Sdn. Bhd.
8. Encik Abdul Hadi Omar
Setiausaha Sulit Kanan Kepada YB Menteri
Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi
9. Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid
Dekan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
(Berkuatkuasa 1/12/2017)

Ahli Ganti

10. Puan Norhazimah Che Hassan
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Pendidikan Tinggi

Setiausaha

11. YBrs. En. Zuber Haji Mohamad
Pendaftar UniMAP

PROFIL UNIVERSITI
Pegawai Utama Universiti





1. **Dato' Profesor Dr. Zul Azhar Zahid Jamal**
Naib Canselor UniMAP
2. **Prof. Ir. Dr. Rezuwan Kamaruddin**
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
3. **Prof. Dr. Uda Hashim**
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)
(Berkkuatkuasa 15/4/2017)
4. **Prof. Madya Fo'ad Sakdan**
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **En. Zuber Haji Mohamad**
Pendaftar UniMAP
6. **Puan Saodah Hassan**
Bendahari
7. **Puan Mazmin Mat Akhir**
Ketua Pustakawan

PROFIL UNIVERSITI
Ahli Senat



Barisan hadapan dari kiri: Prof. Dr. Salleh Abdul Rashid, Dato' Wira Prof. Dr. Mohd. Salleh Hj. Din, Dato' Dr. Prof. Ali Yeon Md. Shakaff Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid, En. Zuber Haji Mohamad, Prof. Dr. Uda Hashim, Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan Prof. Ir. Dr. Haji Rezuwan Kamaruddin, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Pn. Saodah Hassan, Pn. Mazmin Mat Akhir Prof. Dr. Zuraidah Mohd. Zain, Prof. Madya Dr. Noorhafiza Muhammad, Prof. Madya Dr. Hakimah Osman Datin Paduka Datuk Prof. Dr. Ramlah Adam, Dr. Haziah Abd. Hamid, Prof. Madya Dr. Ruslinda A. Rahim, Prof. Dr. Rosni Bakar Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad, Prof. Dr. Harshita Aini Haroon



Barisan belakang dari kiri: Prof. Dr. Ridzwan Abdul Rahman, Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad, Prof. Madya Dr. Khairel Rafezi Ahmad, Prof. Madya Dr. Huzili Hussin, Prof. Dr. Amran Ahmed, Prof. Madya Dr. Abu Hassan Abdullah, Prof. Madya Dr. Vithyacharan A/L Retnasamy, Prof. Madya Dr. Rizalafande Che Ismail, Prof. Madya Dr. Nasrul Hamidin, Prof. Madya Dr. Mahmud Nor Jaafar, Prof. Dr. Zakaria Wahab, Prof. Dr. Zaliman Sauli, Prof. Madya Dr. Khairul Azwan Ismail, Prof. Madya Ir. Dr. Anuar Mat Safar, Prof. Madya Razli Ahmad, Prof. Madya Dr. Azremi Abdullah Al Hadi, Prof. Madya Dr. Muhammad Zaini Ahmad, Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail, Profesor Dr. Hazry Desa.

PROFIL UNIVERSITI
Ahli Senat

Bil.	Nama
1.	Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal Naib Canselor / Pengerusi
2.	Prof. Ir. Dr. Haji Rezuwan Kamaruddin Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) / Timbalan Pengerusi
3.	Prof. Dr. Uda Hashim Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) (Berkkuatkuasa 15 April 2017)
4.	Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
5.	En. Zuber Haji Mohamad Pendaftar/ Setiausaha
6.	Pn. Saodah Hassan Bendahari
7.	Pn. Mazmin Mat Akhir Ketua Pustakawan
8.	Prof. Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Hj. Din Penolong Naib Canselor (Keusahawanan dan Kelestarian Kewangan)
9.	Prof. Dato' Dr. Ali Yeon Md. Shakaff Pengerusi, Majlis Profesor UniMAP
10.	Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid Dekan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
11.	Prof. Dr. Zaliman Sauli Dekan, Pusat Pengajian Siswazah
12.	Prof. Dr. Hazry Desa Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan
13.	Prof. Dr. Harshita Aini Haroon Pengarah, Pusat Bahasa Antarabangsa
14.	Prof. Dr. Rosni Bakar Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Pengkormersilan
15.	Prof. Dr. Salleh Abdul Rashid Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD)
16.	Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah Adam Pengarah, Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia
17.	Prof. Dr. Zuraidah Mohd. Zain Profesor, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan
18.	Prof. Dr. Amran Ahmed Profesor, Institut Matematik Kejuruteraan

Bil.	Nama
19.	Prof. Dr. Zakaria Wahab Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan
20.	Prof. Dr. Ridzwan bin Abdul Rahman Profesor, Pusat Pengajian Bioproses
21.	Prof. Madya Ir. Dr. Anuar Mat Safar Dekan, Pengurusan Akademik
22.	Prof. Madya Razli Ahmad Dekan, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
23.	Prof. Madya Dr. Rizalafande Che Ismail Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik
24.	Prof. Madya Dr. Azremi Abdullah Al Hadi Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan
25.	Prof. Madya Dr. Khairel Rafezi Ahmad Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
26.	Prof. Madya Dr. Abu Hassan Abdulllah Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik
27.	Prof. Madya Dr. Khairul Azwan Ismail Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan
28.	Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses
29.	Prof. Madya Dr. Nasrul Hamidin Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar
30.	Prof. Madya Dr. Huzili Hussin Dekan, Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi
31.	Prof. Madya Dr. Muhammad Zaini Ahmad Dekan, Institut Matematik Kejuruteraan
32.	Prof. Madya Dr. Hakimah Osman Dekan, Pusat Pengajian Diploma
33.	Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail Pengarah, Pusat Kokurikulum
34.	Prof. Madya Dr. Noorhafiza Muhammad Pengarah, Pusat Hal Ehwal Antarabangsa
35.	Prof. Madya Dr. Vithyacharan A/L Retnasamy Pengarah, Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan
36.	Prof. Madya Dr. Ruslinda A. Rahim Pengarah, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik
37.	Prof. Madya Dr. Mahmad Nor Jaafar Pengarah, Institut Agroteknologi Lestari
38.	Dr. Haziah Abd. Hamid Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik
39.	Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad Dekan, Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan

PROFIL UNIVERSITI Ketua Jabatan

Bil.	Nama	Ketua Jabatan
1.	Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal	Naib Canselor
2.	Prof. Ir. Dr. Rezuwan Kamaruddin	Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa)
3.	Prof. Dr. Uda Hashim	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi) (Berkuatkuasa 15 April 2017)
4.	Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)
5.	En. Zuber Hj. Mohamad	Pendaftar
6.	Pn. Saodah Hassan	Bendahari
7.	Pn. Mazmin Mat Akhir	Ketua Pustakawan
8.	Prof. Madya Abdul Aziz Mahmuddin	Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat Dan Pengurusan Kualiti) (Sehingga 28 Februari 2017)
9.	Prof. Dato' Wira Dr. Mohd Salleh Hj. Din	Penolong Naib Canselor (Keusahawanan dan Kelestarian Kewangan)
10.	Prof. Madya Ir. Dr. Anuar Mat Safar	Dekan Pengurusan Akademik (Berkuatkuasa 01 Mac 2017)
11.	Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid	Dekan, Pusat Pengurusan Penyelidikan Dan Inovasi
12.	Prof. Madya Razli Ahmad	Dekan (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)
13.	Prof. Dr. Mohd Yusoff Mashor	Dekan, Pusat Pengajian Siswazah (Sehingga 28 Februari 2017)
14.	Prof. Ir. Dr. R. Badlishah Ahmad	Dekan, Pusat Pengajian Siswazah (Berkuatkuasa 01 Mac 2017 sehingga 14 Mac 2017)
15.	Prof. Dr. Zaliman Sauli	Dekan, Pusat Pengajian Siswazah (Berkuatkuasa 15 Mac 2017)
16.	Prof. Madya Dr. Rizalafande Che Ismail	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik
17.	Prof. Ir. Dr. R. Badlishah Ahmad	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer Dan Perhubungan (Sehingga 28 Februari 2017)
18.	Prof. Madya Dr. Azremi Abdullah Al Hadi	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer Dan Perhubungan (Berkuatkuasa 01 Mac 2017)
19.	Dr. Haziah Abdul Hamid	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik
20.	Prof. Madya Dr. Khairel Rafezi Ahmad	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
21.	Prof. Madya Dr. Abu Hassan Abdullah	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik
22.	Prof. Madya Dr. Khairul Azwan Ismail	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan
23.	Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses
24.	Prof. Madya Dr. Nasrul Hamidin	Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar
25.	Prof. Dr. Hazry Desa	Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (Berkuatkuasa 01 Mac 2017)
26.	Prof. Dr. Hazry Desa	Dekan, Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan Dan Teknousahawan (Sehingga 28 Februari 2017)
27.	Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad	Dekan, Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan Dan Teknousahawan (Berkuatkuasa 01 Mac 2017)
28.	Prof. Madya Dr. Huzili Hussin	Dekan, Pusat Pengajian Pembangunan Insan Dan Teknokomunikasi
29.	Prof. Dr. Rosni Bakar	Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan, Pengkomersilan dan Pengurusan Harta Intelek (Berkuatkuasa 01 Mac 2017)
30.	Prof. Madya Dr. Hakimah Osman	Dekan, Pusat Pengajian Diploma
31.	Prof. Dr. Amran Ahmed	Dekan, Institut Matematik Kejuruteraan (Sehingga 28 Februari 2017)
32.	Prof. Madya Dr. Mohammad Zaini Ahmad	Dekan, Institut Matematik Kejuruteraan (Berkuatkuasa 01 Mac 2017)
33.	Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Hafiz Fazalul Rahiman	Pengarah, Unit Reputasi (Sehingga 28 Februari 2017)
34.	Prof. Dr. Harshita Aini Haroon	Pengarah, Pusat Bahasa Antarabangsa
35.	Prof. Madya Dr. Noorhafiza Muhammad	Pengarah, Pusat Hal Ehwal Antarabangsa

Bil.	Nama	Ketua Jabatan
36.	Prof. Madya Dr. Idris Md. Noor	Pengarah, Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti <i>(Berkkuatkuasa 01 Mac 2017)</i>
37.	Prof. Madya Dr. Vithyacharan a/l Retnasamy	Pengarah, Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan
38.	Prof. Dr. Zaliman Sauli	Pengarah, Pusat Ko-Kurikulum <i>(Sehingga 14 Mac 2017)</i>
39.	Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail	Pengarah, Pusat Ko-Kurikulum <i>(Berkkuatkuasa 15 Mac 2017)</i>
40.	Dr. Ku Mohd Nabil Ku Hamid @ Ku Ismail	Pengarah, Pusat Islam
41.	Prof. Dr. Ye Htut@Mohammad Iqbal Omar	Pengarah, Pusat Kesihatan
42.	Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah Adam	Pengarah, Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia <i>(Sehingga 28 Februari 2017)</i>
43.	Dr. Hirwan Jasbir Jaafar	Pengarah, Institut Kajian Strategik, Kepimpinan Dan Komuniti <i>(Sehingga 28 Februari 2017)</i>
44.	Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah Adam	Pengarah, Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan Dan Komuniti <i>(Berkkuatkuasa 01 Mac 2017)</i>
45.	Prof. Madya Ir. Dr. Anuar Mat Safar	Pengarah, Unit Kelayakan Dan Akreditasi <i>(Sehingga 28 Februari 2017)</i>
46.	Pn. Suhana Abdul Mutalib	Pengarah, Unit Media <i>(Sehingga 28 Februari 2017)</i>
47.	Prof. Madya Ir. Abdul Ghapar Ahmad	Pengarah, Unit Pengurusan Harta <i>(Berkkuatkuasa 03 April 2017)</i>
48.	Cik Hasbalaila Alias	Pengarah, Unit Audit Dalam
49.	Dr. Azuwir Mohd Nor	Pengarah, Unit Multimedia <i>(Behingga 28 Februari 2017)</i>
50.	Dr. Mohamad Ezral Baharudin	Pengarah, Unit Multimedia <i>(Berkkuatkuasa 01 Mac 2017)</i>
51.	En. Mohd Izwan Izhar Haris	Pengarah, Unit Kebudayaan dan Rekreasi
52.	Prof. Madya Dr. Mahmad Nor Jaafar	Pengarah, Institut Agroteknologi Lestari
53.	Prof. Dr. Salleh Abd Rashid	Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari
54.	Prof. Dr. Uda Hashim	Pengarah, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik <i>(Sehingga 14 April 2017)</i>
55.	Prof. Madya Dr. Ruslinda A. Rahim	Pengarah, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik <i>(Berkkuatkuasa 02 Mei 2017)</i>
56.	Dr. Irmis Azura Zakarya	Pengarah, Unit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan
57.	Prof. Dr. Asiah Sarji	Pengarah, Pusat Penerbitan UniMAP <i>(Sehingga 28 Februari 2017)</i>
58.	Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Hafiz Fazalul Rahiman	Pengarah, Pusat Penerbitan UniMAP <i>(Berkkuatkuasa 01 Mac 2017)</i>
59.	En. Suhizaz Sudin	Pengarah, Pusat Sukan
60.	Prof. Madya Nor Azmi Hj. Johari	Pengarah, Jabatan Keselamatan <i>(Sehingga 28 Februari 2017)</i>
61.	Dato' Zull Aznam Haron	Pengarah, Jabatan Keselamatan <i>(Berkkuatkuasa 01 Mac 2017)</i>
62.	Prof. Madya Mazelan Abdul Hamid	Pengarah, Jabatan Pembangunan
63.	En. Nasrudin Abd. Shukor	Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Ketua Pegawai Maklumat (CIO) <i>(Berkkuatkuasa 25 Julai 2017)</i>
64.	En. Mustaffa Ismail	Pengarah Unit Komunikasi Korporat <i>(Berkkuatkuasa 01 Mac 2017)</i>
65.	Dr. Hirwan Jasbir Jaafar	Pengetua Kolej-Kolej Kediaman/ Pengerusi Majlis Pengurusan Kolej Kediaman
66.	Prof. Madya Dr. Midhat Nabil Ahmad Salimi	Pengetua, Kolej-Kolej Kediaman <i>(Sehingga 28 Februari 2017)</i>
67.	Pn. Kartini Hj. Alir	Pengetua, Kolej-Kolej Kediaman
68.	En. Syed Akhmal Syed Jamalil	Pengetua, Kolej-Kolej Kediaman
69.	Dr. Wong Yee Shian	Pengetua, Kolej-Kolej Kediaman
70.	En. Ismail Ibrahim	Pengetua Kolej-Kolej Kediaman
71.	Dr. Sanna Taking	Pengetua Kolej-Kolej Kediaman <i>(berkuatkuasa 01 Mac 2017)</i>

PROFIL UNIVERSITI

Struktur Organisasi

